

Tsu Koon enggan ulas kritikan pemimpin Melayu

PULAU PINANG 27 Ogos — Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon belum bersedia untuk memberikan sebarang kenyataan berhubung kritikan para pemimpin Melayu yang menyalahkan beliau dalam isu kedudukan orang Melayu Pulau Pinang terus terpinggir.

Menurut Tsu Koon, beliau hanya akan memberi reaksi apabila tiba masanya dan bukan pada hari ini.

“Kemudian, saya akan jawab kemudian,” katanya ringkas kepada *Utusan Malaysia* di Hotel Equatorial di sini hari ini selepas mengiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mengadakan mesyuarat dengan Badan Perhubungan UMNO Negeri.

Utusan Malaysia pada muka depannya hari ini mclaporkan kenyataan kalangan pemimpin Melayu negeri itu yang menyalahkan kepimpinan Tsu Koon menyebabkan orang Melayu Pulau Pinang terpinggir.

Antara lain mereka mendakwa Tsu Koon tidak serius dan berat sebelah dari segi pelaksanaan program dan perancangan untuk memajukan orang Melayu.

Ketua Menteri itu turut didakwa tidak sensitif menghargai pengorbanan orang Melayu Pulau Pinang selama ini.

Kenyataan para pemimpin Melayu itu ekoran Laporan Khas *Utusan Malaysia* kelmarin mengenai orang Melayu Pulau Pinang yang mungkin menerima nasib yang sama seperti orang Melayu Singapura jika kerajaan negeri meneruskan amalan meminggirkan orang Melayu dalam pembangunan negeri berkenaan.

Laporan tersebut berdasarkan pandangan pelbagai pihak antaranya ahli politik, ahli akademik dan orang Melayu Pulau Pinang.

Tsu Koon menambah, beliau akan memberi kenyataan dalam tempoh terdekat.

“Itupun bergantung kepada keadaan,” ujarnya yang menerajui kepimpinan negeri sejak mengambil alih kuasa dari Tun Dr. Lim Chong Eu sejak 12 tahun lalu.